

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BERTULIS**
DARIPADA : **DATO' HAJI SALIM SHARIF [JEMPOL]**

SOALAN NO. 296

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan perancangan penambahbaikan Pusat Sehati Keusahawanan (PSK) agar dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya oleh masyarakat luar bandar khususnya di pedalaman serta strategi yang digunakan oleh Kementerian bagi memastikan inisiatif tersebut mendapat perhatian dan sambutan.

JAWAPAN

1. Pusat Sehati Keusahawanan (PSK) merupakan antara inisiatif awal MED untuk mendekati rakyat dengan *outreach* khidmat maklumat keusahawanan. PSK pertama telah dirasmikan oleh YB Menteri pada 15 Oktober 2018 di Platinum Sentral Kuala Lumpur. Sehingga kini terdapat enam (6) buah PSK yang telah ditubuhkan iaitu di Kuala Lumpur, Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Johor dan akan selesai diperluaskan ke seluruh negara menjelang 2019.
2. Bagi memantapkan lagi penyampaian PSK kepada rakyat, MED telah melancarkan Penjenamaan Semula PSK dengan usaha pengintegrasian PSK: Sistem *Online* (atas talian) yang boleh diakses dengan mudah dan cepat pada 23 Februari 2019.
3. Dengan adanya sistem atas talian yang dibangunkan oleh Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC) ini, para usahawan dan bakal usahawan boleh mendapatkan maklumat keusahawanan dan membuat rujukan berkaitan keusahawanan dengan hanya melayari pautan psk.med.gov.my. secara atas talian atau di kiosk PSK MED di seluruh negara kelak.
4. Dalam tempoh sebulan 'go live', terdapat seramai 5,000 orang pengunjung telah melayari sistem ini. Selain informasi mengenai agensi-agensinya di bawah MED, ia turut mengandungi maklumat mengenai 180 agensi yang terlibat dalam bidang keusahawanan serta 800 produk dan perkhidmatan keusahawanan. Sekian, terima kasih.